



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38(a)
DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

**Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan
Kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam sahaja.**

**PEGAWAI KAKITANGAN KANAN (B.3)
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta
perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



**PEGAWAI KAKITANGAN KANAN
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI
B.3 (\$3,880 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN)
KEKOSONGAN = DUA (02)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. i) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Information Technology (IT)* / Pengurusan / Pengurusan Sumber Manusia / Pentadbiran Awam atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

- ii) Telah berkhidmat di Jabatan Perkhidmatan Awam sebagai Pegawai Kakitangan atau jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 EB.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- iii) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 EB.3 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.

ATAU

2. i) Bagi yang tidak mempunyai Ijazah, hendaklah telah berkhidmat di Jabatan Perkhidmatan Awam sebagai Pegawai Kakitangan atau jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun.

ATAU

- ii) Bagi yang tidak mempunyai Ijazah, hendaklah telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 atau sebanding tidak kurang dari 9 tahun.

3. Lulus peperiksaan Perkhidmatan Awam berikut:

- i) Peraturan Am 1961 dan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan.
- ii) Peraturan-Peraturan Kewangan.

4. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-sekurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

1. Mengetuai satu Unit dalam membantu Ketua Bahagian / Ketua Pengarah dalam melaksanakan dasar-dasar dan program-program manusia;
2. Bertanggungjawab dalam memastikan *Key Performance Indicators (KPI)* di capai pada tempoh yang perlu dilaksanakan;
3. Bertanggungjawab dalam memeduli, memantau dan mengurus hal ehwal yang berkaitan dengan Pegawai dan Kakitangan bawahan;
4. Bertanggungjawab dalam membimbing dan memimpin pegawai dan kakitangan bawahan dalam memastikan tugas dan tanggung jawab yang diamanahkan dijalankan dengan teratur, cekap, berkesan dan berkualiti;
5. Bertanggungjawab dalam merancang, menyelaraskan, memudahkan cara dan memantau tugas-tugas dan projek-projek yang dikendalikan oleh Unit masing-masing; dan
6. Melaksanakan sebarang tugas dan tanggungjawab yang diarahkan oleh Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah dan Pengarah.